

Anwar cabar hantar notis usul undi percaya

PM bertegas tidak gantung Parlimen, sedia 'lawan' pada sidang 22 Mei

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi,
Noor Atiqah Sulaiman dan
Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Seremban: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menegaskan tidak akan menggantung Parlimen, sebaliknya mencabar pembangkang supaya menghantar notis usul undi percaya terhadap Perdana Menteri di Dewan Rakyat.

Perdana Menteri berkata, pembangkang boleh mengemukakan usul itu kepada Speaker Dewan Rakyat, Datuk Johari Abdul dan beliau berjanji untuk berdepan usul itu pada persidangan Parlimen yang akan bermula 22 Mei depan.

"Saya tidak akan gantung Parlimen dan kita lawan di Parlimen. Itu baru cara mentadbir. Sebab saya mahu 'matikan' keluh kesah soal kestabilan politik ini.

"Saya mahu 'matikan' (pertikaian mengenai jumlah sokongan Perdana Menteri) supaya semua boleh tumpu untuk menjaga nasib rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kerajaan Negeri Sembilan dan Malaysia Madani di Wisma Majlis Bandaraya Seremban (MBS), di sini, semalam.

Mengikut peraturan mesyuarat Dewan Rakyat, sebarang notis usul kepada Parlimen perlu diserahkan selewat-lewatnya 14 hari sebelum persidangan Parlimen bermula.

Ura-ura sebelum ini menyatakan kononnya pembangkang kini memperoleh sokongan 126 ahli Parlimen, sekali gus berupaya menggugat kedudukan kerajaan yang dipimpin Anwar ketika ini.

Dalam pada itu, Anwar yakin, kerajaan kini stabil dan tidak mudah dijatuhkan dengan fokus seluruh anggota pentadbiran, untuk memastikan ekonomi negara

dapat dibangunkan, sekali gus membela nasib rakyat.

Perdana Menteri berkata, dengan kestabilan politik itu, banyak pelaburan, termasuk membabitkan syarikat besar akan melabur di negara ini dan limpahannya akan dirasai oleh rakyat.

"Petang ini (semalam), jam 2.30 petang, Pengerusi Geely (Zhejiang Geely Holding Group Co Ltd) akan menemui saya dan pada jam 4 petang, akan diumumkan peruntukan pelaburan besar puluh bilion untuk menjadikan Malaysia sebagai markas automobil di rantau ini.

"Ini dilakukan kerana dia yakin dengan dasar dan kepimpinan. Sebab itu, kita letakkan kepentingan soal kestabilan ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Penerangan BERSATU, Datuk Razali Idris, berkata Ahli Parlimen BERSATU tidak bercadang mengemukakan usul undi tidak percaya terhadap Kerajaan Perpaduan pada sidang Parlimen bulan ini.

Beliau berkata, setakat ini, tiada perbincangan mengenainya

peringkat parti, termasuk berkaitan angka untuk menjatuhkan Kerajaan Perpaduan.

Terdahulu, Perdana Menteri, pada satu majlis di Permatang Pauh, mencabar mana-mana pihak yang mendakwa mempunyai sokongan cukup bagi menumbangkan Kerajaan Perpaduan supaya membawa usul berkenaan pada sidang Parlimen bulan ini.

"Kenyataan Perdana Menteri itu ditujukan kepada Ketua Pembangkang (Datuk Seri Hamzah Zainudin), namun ketua pembangkang tidak pernah membuat kenyataan mempunyai majoriti yang mencukupi.

"Namun, kenapa Anwar perlu memikirkan khabar angin atau gosip kecil di luar gelanggang?

"Sepatutnya, dia tidak perlu fikir berapa angka yang pihak sebelah sana ada, sebab kerajaan dia sudah cukup kukuh iaitu 148 kerusi.

"Sangat sukar untuk pihak pembangkang mengatasi jumlah itu, ia bukan perkara mudah.

"Kecuali ketua pembangkang sendiri yang maklumkan kita ada angka mencukupi, barulah Anwar boleh cabar," katanya.